

Tingkatkan Elaun Sara Hidup nelayan

Sinar Harian 3/11/2020 m/s 8

Nelayan harap ada berita gembira dalam Belanjawan 2021

PONTIAN

Nelayan pantai di daerah ini berharap ada khabar gembira yang menanti mereka dalam pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat ini.

Seorang nelayan, Mansor Maidin, 60, berkata, dia menaruh harapan agar kerajaan Perikatan Nasional (PN) dapat meningkatkan kadar Elaun Sara Hidup Bulanan nelayan sebanyak RM300 ketika ini bagi membantu meringankan beban yang ditanggung mereka.

Katanya, nelayan yang berpendapatan kecil amat berharap ada hadiah dan khabar gembira

dalam Belanjawan 2021.

“Kami harap kerajaan lebih membela nasib kami kerana kami juga terkesan dengan penularan koronavirus (Covid-19).

“Kami juga penting kepada ekonomi negara kerana nelayan adalah pembekal utama sumber protein negara,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Dalam pada itu, Mansor turut meminta agar subsidi diesel dan petrol bagi golongan nelayan dikekalkan.

“Sudah tentu kami mahu kerajaan terus kekalkan subsidi petrol dan diesel kerana ia sangat membantu nelayan bagi meringankan beban kami,” katanya.

Seorang lagi nelayan, Abu Samad Ali, 60, pula berharap



MANSOR



ABU SAMAD

agar kerajaan PN dapat meningkatkan lagi elaun sara hidup nelayan, terutama apabila tiba musim tengkujuh yang semanganya boleh menggugat mata pencarian mereka.

Menurutnya, elaun sekarang memberi ‘nafas’ kepada nelayan untuk menampung keperluan keluarga apabila tidak turun ke laut, tambahan pula kos sara hidup yang tinggi pada masa kini.

“Pembentangan Belanjawan Negara 2021 pada Jumaat ini



Elaun RM300 yang diterima nelayan ketika ini dapat meringankan beban mereka terutama ketika musim tengkujuh.

ditunggu-tunggu nelayan kecil seperti kami. Sudah tentu Elaun Sara Hidup yang kami harapkan dapat ditingkatkan jumlahnya.

“Kerajaan yang prihatin pasti akan dapat melihat masalah yang dihadapi golongan nelayan kecil seperti kami,” katanya.